

19 MAR 1998

HANAFI RAMLI KEKAL KETUA BAHAGIAN JERLUN

ALOR SETAR, 19 Mac (Bernama) -- Anggota Parlimen Jerlun Datuk Hanafi Ramli mengekalkan jawatannya sebagai Ketua UMNO Bahagian Jerlun setelah pencabarnya Abdul Rahman Ariffin menarik diri, hari ini.

Abdul Rahman yang juga Anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah dan Anggota Dewan Undangan Negeri Kawasan Air Hitam berkata, beliau hanya akan bertanding bagi jawatan yang disandangnya ketika ini, iaitu Timbalan Ketua Bahagian.

"Penarikan diri ini wajar demi mematuhi arahan Presiden UMNO Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Ketua Perhubungan UMNO Negeri Tan Sri Sanusi Junid," katanya kepada pemberita di sini.

Sebelum ini, timbul desas desus mengatakan Abdul Rahman yang memperolehi 48 pencalonan akan mencabar Hanafi yang mendapat 59 pencalonan daripada 140 cawangan.

Mesyuarat cawangan-cawangan di bahagian terbabit yang berakhir pada 15 Mac lepas juga menyaksikan sebanyak 33 cawangan berkecuali dengan tidak mencalonkan sesiapa untuk jawatan Ketua Bahagian.

Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Jerlun akan diadakan pada 27 Mac ini dan dirasmikan oleh Setiausaha Agong UMNO Datuk Sabbaruddin Chik. --

BERNAMA

MAN PR